Zain Azahari bin Zainal Abidin lwn Wearne Brothers (1983) Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO R1-11-99 TAHUN 1995
NIK HASHIM PK
11 MAC 1997

Acara Sivil *— Rayuan — Rayuan kepada Mahkamah Tinggi — Jumlah penghakiman tidak melebihi RM10,000 — Sama ada rayuan boleh dibuat — Sama ada rayuan atas soalan undang-undang — Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 28(1)*

Acara Sivil *— Rayuan — Rayuan kepada Mahkamah Tinggi — Jumlah penghakiman tidak melebihi RM10,000 — Rayuan atas soalan undang-undang — Sama ada soalan undang-undang perlu dicatatkan secara terperinci dalam notis rayuan — Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 Borang 140*

Acara Sivil *— Rayuan — Rayuan kepada Mahkamah Tinggi — Jumlah penghakiman tidak melebihi RM10,000 — Penghakiman terus oleh mahkamah majistret — Sama ada s 28(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 terpakai kepada penghakiman terus*

Perayu telah merayu terhadap keseluruhan keputusan mahkamah majistret yang mencatat penghakiman terus terhadap perayu menurut A 26A k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR') untuk wang terhutang sebanyak RM5,562.22. Sebelum pendengaran rayuan bermula, penentang telah membangkitkan bantahan awal iaitu: (i) perayu tidak boleh merayu dalam kes ini kerana jumlah tuntutan kurang daripada RM10,000 dan rayuannya bukan atas soalan undang-undang menurut s 28(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('Akta tersebut'); dan (ii) perayu gagal mencatatkan dalam notis rayuan butir-butir terperinci isu undang-undang yang hendak dirayu menurut keperluan Borang 140 KMR. Perayu berhujah bahawa s 28(1) Akta tersebut tidak terpakai kepada suatu penghakiman terus di bawah A 26A KMR. Beliau juga menyatakan bahawa sama ada sesuatu isu boleh dibicarakan atau tidak ialah suatu persoalan undang-undang; dan oleh kerana rayuan ini adalah terhadap keseluruhan keputusan, maka notis rayuan tidak perlu kepada perincian.

Diputuskan, membenarkan bantahan awal dan membatalkan rayuan:

(1) Selepas menyemak kes-kes yang dikemukakan dan meneliti fakta-fakta kes serta hujah-hujah kedua belah pihak, adalah jelas bahawa s 28(1) Akta tersebut adalah terpakai dalam kes ini. Seksyen 28(1) tidak membezakan pemakaiannya sama ada terhadap keputusan selepas perbicaraan penuh atau pun terhadap penghakiman terus. Perayu tidak boleh merayu dalam kes ini kecuali jika beliau boleh menunjukkan bahawa beliau mempunyai soalan undang-undang untuk merayu (lihat ms 42H–I dan 44F).

(2) Notis rayuan perayu tidak mengandungi butir-butir rayuan dengan terperinci. Tidak terdapat apa-apa butiran mengenai soalan undang-undang dicatat dalam notis rayuan itu. Tanpa sebutan

perkara-perkara sedemikian, Mahkamah Tinggi, bertindak sebagai mahkamah rayuan, tidak dapat memastikan sama ada rayuan perayu melibatkan soalan undang-undang atau tidak. A

Beban untuk menunjukkan bahawa rayuan itu adalah atas soalan undang-undang adalah terletak atas perayu, dan beliau hendaklah menyatakan dengan jelas dalam Borang 140 apakah soalan undang-undang yang dia ingin merayu. Apa yang perayu catatkan dalam notis rayuan ialah beliau merayu terhadap keseluruhan keputusan majistret. Catatan sedemikian tidak mencukupi dan samar untuk menimbulkan soalan undang-undang (lihat ms 44C, E–F); *Sulaiman bin Mohamad v Malayan Banking Bhd* [1992] 2 MLJ 116 diikut. B C

(3) Keperluan kepada catatan perincian atas soalan undang-undang dalam notis rayuan dalam rayuan yang melibatkan nilai isi perkara di bawah RM10,000 adalah mandatori. Kegagalan mematuhi kehendak Borang 140 adalah padah dan akan mengakibatkan notis rayuan sedemikian menjadi tidak sah (lihat ms 44H); *Mohamad Safuan bin Wasidin & Anor v Mohd Ridhuan bin Ahmad (an infant)* [1994] 2 MLJ 187 diikut. D

[English summary

The appellant had appealed against the entire decision of the magistrate's court in granting summary judgment against the appellant pursuant to O 26A r 1 of the Subordinate Courts Rules 1980 ('the SCR') for the outstanding sum of RM5,562.22. Before the hearing of the appeal, a preliminary objection was raised by the respondent, ie: (i) the appellant could not appeal in this case because the amount of the claim was less than RM10,000 and his appeal was not on a question of law in accordance with s 28(1) of the Courts of Judicature Act 1964 ('the Act'); and (ii) the appellant had failed to state in the notice of appeal the details of the issue of law to be appealed against in accordance with the requirement of Form 140 of the SCR. The appellant submitted that s 28(1) of the Act was not applicable to a summary judgment under O 26A of the SCR. He also stated that whether an issue was triable or not was a question of law; and since the appeal was against the entire decision, therefore the notice of appeal did not require details. E F G H

Held, allowing the preliminary objection and striking out the appeal:

(1) Upon considering the cases presented and scrutinizing the facts of the case and the submissions of both parties, it was clear that s 28(1) of the Act was applicable in this case. There is no differentiation in the application of s 28(1) whether the appeal is against a decision after a full trial or against a summary judgment. The appellant could not appeal in this case unless he could show that he had a question of law to appeal (see pp 42H–I and 44F). I

(2) The appellant's notice of appeal did not contain particulars of appeal in detail. There were no particulars regarding the question of law stated in the notice of appeal. Without mentioning such particulars, the High Court, acting as the appellate court, could not determine whether or not the appellant's appeal involved a question of law.

The burden to prove that the appeal was on a question of law was on the appellant, and he should have stated clearly in Form 140 what was the question of law that he intended to appeal. The appellant stated in the notice of appeal that he was appealing against the whole of the magistrate's decision. Such statement was insufficient and ambiguous to raise a question of law (see p 44C, E–F); *Sulaiman bin Mohamad v Malayan Banking Bhd* [1992] 2 MLJ 116 followed.

(3) The need for a detailed statement on the question of law in the notice of appeal involving a subject matter the value of which is less than RM10,000 is mandatory. The failure to comply with the requirement of Form 140 was fatal and consequently, would nullify the notice of appeal (see p 44H); *Mohamad Safuan bin Wasidin & Anor v Mohd Ridhuan bin Ahmad (an infant)* [1994] 2 MLJ 187 followed.]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan ke Mahkamah Tinggi, lihat 2 *Mallal's Digest* perenggan 284–286.

Kes-kes yang dirujuk

Kannaya & Anor v Teh Swee Eng [1994] 1 MLJ 508 (dirujuk)
Mohamad Safuan bin Wasidin & Anor v Mohd Ridhuan bin Ahmad (an infant) [1994] 2 MLJ 187 (diikut)
Sulaiman bin Mohamad v Malayan Banking Bhd [1992] 2 MLJ 116 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 28(1)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 26A k 1, A 49 k 6(2), Borang 140

Rayuan daripada: Guaman Sivil No 72–27520 tahun 1993 (Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur)

Hj Sulaiman bin Abdullah (*Zain & Co*) bagi pihak perayu.
Hermes bin Ibrahim (*Chooi Shee Hoong & Gan*) bagi pihak penentang.

Nik Hashim PK: Pihak perayu tidak berpuas hati terhadap keputusan Puan Majistret, Kuala Lumpur pada 21 Ogos 1995 yang mencatat penghakiman terus terhadap perayu menurut A 26A k 1 Kaedah-Kaedah

Mahkamah Rendah 1980 ('KMR') untuk wang terhutang sebanyak RM5,562.22 bersama dengan faedah pada kadar 8% setahun ke atas jumlah tersebut dari 21 Oktober 1993 sehingga tarikh penyelesaian dan kos sebanyak RM270.

Sebelum pendengaran rayuan bermula, En Hermes bin Ibrahim bagi pihak penentang telah membangkitkan bantahan awal iaitu:

(1) Pihak perayu tidak boleh merayu dalam kes ini kerana jumlah tuntutan kurang daripada RM10,000 dan rayuannya bukan atas soalan undang-undang menurut s 28(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964; dan

(2) Perayu gagal mencatatkan dalam notis rayuan (ms 48) butir-butir terperinci isu undang-undang yang hendak dirayu menurut keperluan Borang 140 KMR;

dan mengemukakan tiga kes:

(1) *Kannaya & Anor v Teh Swee Eng* [1994] 1 MLJ 508;

(2) *Sulaiman bin Mohamad v Malayan Banking Bhd* [1992] 2 MLJ 116; dan

(3) *Mohamad Safuan bin Wasidin & Anor v Mohd Ridhuan bin Ahmad (an infant)* [1994] 2 MLJ 187

bagi menyokong hujah-hujah beliau.

Manakala Tuan Hj Sulaiman bin Abdullah bagi pihak perayu telah berhujah bahawa kes-kes yang dikemukakan melibatkan keputusan selepas perbicaraan penuh, berbeza dengan kes ini yang merupakan suatu penghakiman terus di bawah A 26A KMR. Beliau juga menyatakan sama ada sesuatu isu yang boleh dibicarakan atau tidak ialah suatu persoalan undang-undang; dan oleh kerana rayuan ini adalah terhadap keseluruhan keputusan, maka notis rayuan tidak perlu kepada perincian.

Seksyen 28(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('Akta tersebut') menetapkan:

> Subject to any other written law, no appeal shall lie to the High Court from a decision of a subordinate court in any civil cause or matter where the amount in dispute or the value of the subject matter is ten thousand ringgit or less except on a question of law.

Dalam kes ini, tidak dinafikan bahawa isi perkara yang berbangkit ialah satu tuntutan sejumlah wang yang bernilai RM5,562.22 iaitu suatu amaun yang kurang daripada RM10,000. Apa yang dipertikaikan ialah sama ada rayuan ini melibatkan isu undang-undang.

Selepas menyemak kes-kes yang dikemukakan dan meneliti fakta-fakta kes serta hujah-hujah kedua belah pihak, saya memutuskan bahawa s 28(1) Akta tersebut adalah terpakai dalam kes ini. Perayu tidak boleh merayu dalam kes ini kecuali jika dia boleh menunjukkan bahawa dia mempunyai soalan undang-undang untuk merayu.

Dalam rayuan kepada hakim di dalam kamar, A 49 k 6(2) KMR memperuntukkan:

Rayuan hendaklah dibawa dengan memfailkan suatu notis rayuan dalam Borang 140 dalam masa 14 hari dari hari keputusan itu diumumkan, dan menyampaikan suatu salinan notis itu dalam masa yang dihadkan bagi pemfailan rayuan kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi.

Manakala Borang 140 dalam Jadual A KMR menyediakan formatnya seperti berikut:

No 140
NOTIS RAYUAN
(kepada)

Ambil perhatian bahawa ..... (1) yang tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah Sesyen
Majistret

di ..... yang diberikan pada ..... haribulan ..... 19 ..... merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap sama ada keseluruhan keputusan tersebut atau sebahagian daripada keputusan tersebut yang memutuskan bahawa

(nyatakan butir-butir terperincinya)

Bertarikh pada ..... haribulan 19

.....
Perayu
Peguamcara bagi Perayu

Kepada:

Pendaftar, Mahkamah Sesyen di .....

Majistret di .....
dan kepada
.....
..... (2)

Nota: (1) Masukkan nama perayu.
(2) Masukkan nama dan alamat responden atau responden-responden.

Walhal notis rayuan yang difailkan dalam kes ini adalah seperti berikut:

NOTIS RAYUAN

AMBIL PERHATIAN bahawa ZAIN AZAHARI BIN ZAINAL ABIDIN Perayu yang tersebut di atas tidak berpuas hati dengan keputusan yang diberi oleh Yang Arif Puan Nor Aishah bt Muyop, Majistret di Mahkamah

Majistret, Kuala Lumpur, yang diberikan pada 21 Ogos 1995 merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap keseluruhan keputusan tersebut. A

Bertarikh 30 haribulan Ogos 1995.

.....tt.....
Peguam bagi Perayu di atas B

Jika notis rayuan perayu dibandingkan dengan format Borang 140, jelas ternampak bahawa notis rayuan perayu tidak mengandungi butir-butir rayuan dengan terperinci. Tidak terdapat apa-apa butiran mengenai soalan undang-undang dicatat dalam notis rayuan itu. Tanpa sebutan perkara-perkara sedemikian, Mahkamah Tinggi, bertindak sebagai mahkamah C rayuan, tidak dapat memastikan sama ada rayuan perayu melibatkan soalan undang-undang atau tidak. Beban untuk menunjukkan bahawa rayuan itu adalah atas soalan undang-undang adalah terletak atas perayu, dan beliau hendaklah menyatakan dengan jelas dalam Borang 140 apakah soalan undang-undang yang dia ingin merayu. Lamin H (beliau pada ketika itu D itu, kini Presiden Mahkamah Rayuan) dalam *Sulaiman bin Mohamad v Malayan Banking Bhd* [1992] 2 MLJ 116 di ms 119 berkata:

> ... I am of the view that in the case of an appellant intending to appeal on a question of law, the notice of appeal in Form 140 must state at least in general form the question or questions of law that he wishes to appeal on. E

Dalam kes ini, malangnya perayu telah gagal mencatatkan soalan-soalan undang-undang yang dia ingin merayu dalam notis rayuannya. Apa yang beliau telah catatkan dalam notis rayuan ialah dia merayu terhadap keseluruhan keputusan majistret. Pada hemat saya, catatan sedemikian tidak mencukupi dan samar untuk menimbulkan soalan undang-undang. Seksyen 28(1) tidak membezakan pemakaiannya sama ada terhadap F keputusan selepas perbicaraan penuh atau pun terhadap penghakiman terus. Soalan undang-undang hendaklah dicatatkan. Penguamcara pihak perayu seharusnya mengetahui apakah soalan undang-undang dalam kes yang hendak dirayukan, dan soalan-soalan tersebut hendaklah dinyatakan dalam notis rayuan. G

Jadi dalam penghakiman saya, butir-butir jelas mengenai soalan undang-undang adalah wajib dicatatkan dalam Borang 140 sebelum proviso di bawah s 28(1) Akta tersebut terpakai. Keperluan kepada catatan perincian atas soalan undang-undang dalam notis rayuan (Borang 140) dalam rayuan yang melibatkan nilai isi perkara di bawah RM10,000 adalah mandatori. H Kegagalan mematuhi kehendak Borang 140 adalah padah yang mengakibatkan notis rayuan sedemikian menjadi tidak sah. Pihak saya dengan hormatnya bersetuju dengan kata-kata Abdul Malik Ishak PK (beliau pada ketika itu) dalam *Mohamad Safuan bin Wasidin & Anor v Mohd Ridhuan bin Ahmad (an infant)* [1994] 2 MLJ 187 di ms 192 yang berbunyi: I

> In my judgment, in the case of an appellant intending to appeal from the decision of the subordinate court where the quantum is less than RM10,000, the notice of appeal in Form 140 must state generally the question or

A questions of law that he wishes to appeal on. Any failure to conform to this basic statutory requirement would strike at the very core of the appeal and, consequently, would nullify the appeal.

Dengan alasan-alasan tersebut di atas, mahkamah bersetuju dan menerima bantahan awal pihak penentang dan menurut s 28(1) Akta tersebut, perayu B dihalang daripada merayu dalam kes ini dan oleh itu rayuannya dibatalkan dengan kos.

Bantahan awal dibenarkan; rayuan dibatalkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar

C

D

E

F

G

H

I